

18 JUN 1999

Mahkamah-Anwar (Haniff)

ANWAR ADA HUBUNGAN INTIM DENGAN DUA ORANG, KATA HANIFF

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai "hubungan intim yang mengandungi unsur seks" dengan dua orang pada 1993.

Seorang daripadanya ialah lelaki rakyat Pakistan yang memegang kerakyatan Amerika Syarikat, katanya.

Haniff, yang memegang jawatan tertinggi polis itu dari 1974 hingga 1993, berkata, perkara itu diketahuinya daripada Polis Cawangan Khas.

Hal itu kemudian dilaporkannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana beliau bimbang Anwar, yang ketika itu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, mungkin terdedah kepada peras ugut.

Perdana Mahathir bagaimanapun tidak menunjukkan apa-apa reaksi kepada laporannya itu meskipun beliau menegaskan bahawa Cawangan Khas mempunyai bukti yang kukuh mengenainya, kata Haniff, saksi pendakwa ketiga dalam perbicaraan kes liwat Anwar dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

"Saya menekankan bahawa bukti yang ada di pihak Cawangan Khas adalah kukuh tetapi beliau masih tidak menunjukkan apa-apa reaksi.

"Jadi pada saya, itu sudah mencukupi dan sekiranya beliau boleh mengambil apa-apa tindakan untuk menghalang sebarang kemungkinan peras ugut, saya puas hati," katanya.

Ketika menjawab soalan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, Haniff berkata, beliau ditemani pengarah cawangan khas ketika itu, Datuk Zulkifli Abdul Rahman dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri pada 9 Okt, 1993.

Anwar, 51, dituduh meliwat bekas pemandu peribadi isterinya, Azizan Abu Bakar di unit no. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, 38, juga menghadapi tuduhan yang sama dan satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar dalam melakukan kesalahan itu pada masa, tarikh dan di tempat yang sama.

Ketika diminta menjelaskan apa yang beliau maksud dengan "hubungan intim" Anwar dengan dua lelaki berkenaan, Haniff berkata hubungan itu bukanlah hubungan biasa dengan kawan-kawan tetapi hubungan yang mengandungi unsur seks.

Haniff, yang kini menjadi pengarah dalam enam syarikat, berkata pertemuan mereka dengan Dr Mahathir berlangsung antara lima dengan 10 minit.

Menurutnya, beberapa hari selepas pertemuannya itu, seorang lelaki yang dikenalnya sebagai Datuk Andrew Leong dalam kelab badminton yang mereka anggotai, telah menghubunginya.

"Leong menyampaikan permintaan Anwar untuk bertemu dengan saya di kediaman rasminya di Bukit Damansara, pada keesokan harinya, selepas waktu subuh.

"Saya kata tentu boleh, tetapi apakah sebabnya. Kalau tidak silap saya, Leong menyebut mengenai satu perkara berkaitan apa yang telah saya sampaikan kepada PM," katanya.

Haniff berkata, pada pertemuan itu, yang turut dihadiri oleh Leong, Anwar bertanya kepadanya sama ada ramai pegawai polis yang tahu mengenai "perkara itu".

Ketika ditanya apa yang dimaksudkannya mengenai "perkara itu", Haniff berkata, walaupun Anwar tidak menyebutnya secara terus terang, beliau mengandaikan "perkara itu" ialah apa yang beliau telah beritahu kepada Perdana Menteri.

Katanya, beliau memberitahu Anwar bahawa tidak ramai pegawai polis yang tahu kerana siasatan oleh Cawangan Khas mengenai perkara itu adalah berasaskan prinsip "need to know."

Katanya, Anwar juga ada bertanya kepadanya mengenai kemungkinan pegawai polis memeras ugutnya, tetapi beliau menjawab: "Eh! apa pulak 'black mail.' (Peras ugut). Kita bukan menjalankan kegiatan peras ugut. Tetapi apakah alasan Datuk Seri untuk terus begini. Datuk Seri mesti menghentikannya."

Haniff berkata perkara itu berakhir begitu sahaja setelah Anwar tidak menampakkan apa-apa reaksi kepada jawapannya itu.

Ditanya sama ada Anwar ada membuat penafian kepada beliau mengenai perkara itu, beliau berkata "tidak ada".

Ketika menjawab soalan ketua peguambela Anwar, Christopher Fernando, saksi itu menafikan beliau "berdendam" terhadap Anwar kerana cuba menghalangnya daripada menganggotai lembaga pengarah Genting Highland Group atas alasan bahawa Anwar ketika itu sedang berusaha untuk menghentikan kegiatan judi di negara ini.

Kepada cadangan Fernando bahawa Anwar ada menyatakan kepadanya bahawa beliau (Haniff) tidak patut menduduki lembaga pengarah kumpulan syarikat itu kerana beliau orang Islam dan bekas ketua polis negara, Haniff berkata perkara itu adalah satu pembohongan, tidak pernah berlaku dan hanyalah rekaan Anwar semata-mata.

"Yang Arif, mungkin ini adalah pendapat sesetengah pihak, bukan pendapat saya kerana dalam Al-Quran, ada tiga ayat yang saya faham tentang judi," katanya.

Beliau juga menafikan ada memberitahu Anwar bahawa beliau tidak dapat menolak tawaran kumpulan syarikat itu kerana tawaran syarikat itu lumayan.

Katanya, Anwar tidak pernah memanggilnya untuk memberi nasihat kepadanya apabila beliau ditawarkan jawatan pengarah dalam mana-mana juga syarikat.

"Pada ketika saya dijemput untuk menduduki lembaga pengarah Genting, tidak disebut sebanyak mana gaji saya. Tetapi saya telah menulis surat untuk menyatakan bahawa saya tidak mahu apa-apa imbuhan yang luar biasa yang mungkin boleh mencetuskan iri hati mana-mana pihak yang bekerja dengan Genting," katanya.

Pada peringkat ini, Hakim Datuk Arifin Jaka bertanya kepada Fernando tujuannya menanyai soalan-soalan itu kepada saksi tersebut, dan Fernando menjawab ia adalah untuk menunjukkan "motif" Haniff berdendam terhadap Anwar.

Arifin membenarkan Fernando meneruskan soalnya.

Kepada cadangan Fernando bahawa Anwar telah bersungguh-sungguh menasihatinya bahawa sebagai orang Islam, beliau tidak boleh mengetepikan kepercayaannya terhadap agama semata-mata kerana wang walau banyak manapun jumlahnya, Haniff berkata: "Yang Arif, saya ingin kalau beliau dapat menyatakan semua ini kepada saya. Dia tak pernah langsung memberi apa-apa nasihat kepada saya".

Fernando: "Tetapi ini berlaku seketika selepas persaraan anda..."

Haniff: "Saya ingat semasa saya masih IGP, sebelum saya ambil cuti bersara, tidak ada siapa yang tahu saya nak masuk Genting. Saya menjadi pengarah Genting selepas saya bersara."

Fernando: "Sebelum Tun bersara, berita bahawa Tun akan dilantik sebagai salah seorang pengarah Genting diketahui oleh beberapa orang."

Haniff: "Itu satu kemungkinan juga."

Bagaimanapun, beliau bersetuju bahawa Anwar mungkin mengetahui mengenai

cadangan untuk melantiknya sebagai pengarah Genting kerana beliau adalah menteri kewangan.

Apabila Fernando mencadangkan bahawa beliau ada bertemu dengan Anwar mengenai pelantikannya itu dan ia berlaku di pejabat Anwar di Kementerian Kewangan, Haniff menjawab: "Lebih besar kemungkinan ia berlaku dalam pemikirannya."

Beliau juga menafikan yang Anwar ada berkata kepadanya bahawa sekiranya beliau ingin meneruskan niatnya untuk menjadi pengarah Genting, Anwar akan meminta Perdana Menteri untuk menghalangnya daripada berbuat demikian.

Kepada cadangan bahawa beliau tersangat marah dengan apa yang diperkatakan oleh Anwar itu, Haniff berkata: "Bagaimana saya menjadi marah mengenai sesuatu yang bukan isu."

Apabila ditanya mengapa beliau, selaku ketua polis negara ketika itu, tidak mengambil tindakan selepas mengetahui "salahlaku" Anwar, beliau berkata, peranan beliau adalah "multi-faceted" (berbagai-bagai) dan tidak tertakluk kepada masalah jenayah semata-mata.

Katanya, beliau mempunyai budi bicara untuk mengambil tindakan atau sebaliknya tetapi dalam hal itu, beliau lebih mengutamakan keselamatan negara.

Atas alasan itulah, katanya, beliau tidak memaklumkan perkara itu kepada Peguam Negara ketika itu, Tan Sri Abu Talib Othman, sehinggakan dalam satu kenyataan akhbar selepas pemecatan Anwar, Abu Talib berkata bahawa beliau tidak tahu mengenai hal itu.

Ketika disoal apa yang mendorongnya membuat kenyataan umum mengenai "salahlaku" Anwar selepas Perdana Menteri membuat pendedahan mengenai "salahlaku" Anwar September tahun lepas, beliau berkata, ia sebagai mengesahkan kenyataan Perdana Menteri.

"Kenyataan akhbar itu untuk mengesahkan kenyataan Perdana Menteri sehari sebelum itu bahawa saya telah memberitahunya mengenai hubungan intim Datuk Seri Anwar dengan orang-orang tertentu yang dikenal pasti," katanya.

Kepada soalan Fernando bahawa selaku pegawai polis yang memiliki ijazah dalam bidang undang-undang, beliau sepatutnya tahu bahawa kenyataan akhbarnya itu salah daripada segi undang-undang dan sangat berbau fitnah, Haniff berkata, pada ketika itu, Anwar belumpun didakwa.

"Saya tidak fikir saya melanggar undang-undang mengenai 'subjudice' atau saya telah melanggar undang-undang mengenai fitnah. Ia adalah benar," katanya.

Apabila ditanya mengenai jawatannya sekarang dalam kumpulan Genting, Haniff berkata beliau adalah timbalan pengerusinya.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA

SBB RA NMO